

KEBITARAAN LANDSKAP MELAYU BANDAR DIRAJA SEBAGAI SIMBOLIK LANDSKAP WARISAN

Noor Hayati Ismail

Fakulti Kejuruteraan dan Alambina, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: noorhayatiismail@usim.edu.my

Daeng Haliza Daeng Jamal

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

E-mail: haliza.j@umk.edu.my

Nor Zalina Harun

Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail: nzalina@ukm.edu.my

Nurul Syala Abdul Latip

Fakulti Kejuruteraan dan Alambina, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: nurulsyala@usim.edu.my

ABSTRAK

Corak fizikal landskap warisan mencerminkan simbolisme, kebitaraan, dan budaya yang berasal dari istana, kediaman pemimpin Melayu, hingga rumah tradisional dan warisan masyarakat Melayu. Landskap warisan di Bandar Diraja ini menunjukkan kesinambungan identiti budaya Melayu, yang dicirikan oleh gaya seni bina unik, organisasi ruang, dan penggunaan tumbuhan asli. Susun atur dan elemen-elemen landskap ini telah dibentuk oleh pelbagai faktor termasuk peristiwa sejarah, perubahan alam sekitar, serta keperluan dan aspirasi masyarakat setempat yang berkembang. Walau bagaimanapun, perubahan masa kini telah menyebabkan kehilangan seni tradisional, kepercayaan, dan nilai estetika landskap Melayu, yang memberi kesan kepada identiti dan warisan budayanya. Landskap ini telah mengalami evolusi dan perubahan mengikut peredaran masa dan kehendak masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes melalui pemerhatian, dengan merujuk kepada data sekunder seperti artikel jurnal, persidangan, dan buku-buku ilmiah yang berkaitan. Oleh itu, sumbangan kajian ini bertujuan untuk mengembalikan landskap Melayu di istana lama dengan mengetengahkan karakter landskap Melayu yang semakin hilang ditelan zaman serta menjadikannya satu bentuk nostalgia. Di samping itu, usaha ini juga dapat meningkatkan bilangan pelancong, menambah aset, dan memperkukuh identiti masyarakat Melayu.

Kata Kunci : Kebitaraan, simbolisme, landskap warisan, tradisional

1. Pengenalan

Landskap laman Melayu menunjukkan ciri-ciri unik yang didukung oleh latar belakang geografi kawasan yang didiami. Landskap Melayu merupakan salah satu warisan budaya yang erat kaitannya dengan seni bina Melayu yang berkembang berdasarkan adat dan budaya. Menurut Harun et al. (2017), landskap tradisional Melayu adalah interaksi seimbang antara manusia, alam semula jadi, dan budaya, selari dengan rumah tradisional yang penting untuk dipelihara sebagai tapak warisan budaya. Adat budaya adalah perilaku yang diperlukan oleh individu dalam komuniti mereka, melibatkan kepercayaan, pengetahuan, seni, moral, undang-undang, dan adat istiadat. Adab dan tertib dalam adat dan budaya masyarakat Melayu memainkan peranan penting dalam pembinaan seni bina laman landskap. Landskap membentuk kehidupan yang diolah mengikut bangsa dan masyarakat. Landskap masyarakat Melayu mencerminkan simbolisme Melayu yang berpegang teguh pada adat dan budaya. Adat, adab, dan tertib dalam masyarakat Melayu memiliki nilai keunikan di istana dan rumah pemimpin Melayu sejak zaman dahulu kala (Ahmad, 2013). Reka bentuk landskap masyarakat Melayu sangat mudah jika dibandingkan dengan landskap moden. Landskap Melayu lebih menekankan peranan dan fungsi persekitarannya seperti sumber makanan, herba perubatan, teduhan,

serta keperluan adat dan budaya, manakala landskap moden lebih menekankan citarasa dan permintaan terkini tanpa memikirkan seni, kepercayaan, fungsi, nilai estetika, dan simbol kepada masyarakat Melayu.

Walau bagaimanapun, pengaruh modernisme melalui aktiviti sosial dan pertumbuhan ekonomi telah menyebabkan perubahan landskap masyarakat. Ini memberi kesan negatif kepada masyarakat, terutama mereka yang masih memelihara warisan. Selain itu, penghijrahan penduduk menyebabkan kurangnya pemeliharaan landskap, mengakibatkan hilangnya identiti komuniti dan budaya setempat (Haza, 2012). Ini menyulitkan pemuliharaan landskap warisan dan budaya yang merupakan sebahagian daripada strategi pemuliharaan bandar di sebuah bandar diraja di Malaysia (Nor Zalina Harun, 2015). Di samping itu, karakter landskap budaya Melayu di sekeliling laman Melayu juga memerlukan pemuliharaan untuk mengekalkan persekitaran keseluruhan istana atau rumah tradisional Melayu. Menurut Salleh et al. (2016), terdapat tiga kawasan utama dalam landskap rumah Melayu tradisional iaitu laman depan, laman sisi, dan laman belakang. Fungsi laman ini berkait rapat dengan budaya kehidupan seharian orang Melayu. Sebagai contoh, perkarangan hadapan biasanya digunakan untuk upacara, oleh itu jenis dan karakter tumbuhan di kawasan ini penuh dengan unsur estetik. Laman sisi berfungsi sebagai ruang interaksi sosial antara ahli keluarga, penghubung laluan antara depan dan belakang, serta ruang untuk menjemur pakaian. Bahagian belakang biasanya dianggap sebagai ruang persendirian untuk wanita berkumpul semasa kenduri dan aktiviti dapur, oleh itu tumbuhan yang ditanam biasanya boleh dimakan (Salleh et al., 2016).

Ini jelas terserlah dalam identiti budaya unik komposisi landskap rumah tradisional Melayu yang biasanya terletak di kawasan luar bandar. Menurut Zakariya et al. (2019), pertumbuhan kawasan luar bandar hendaklah diolah dengan ciri-ciri tersendiri untuk pembangunan masa depan yang mampan bagi masyarakat setempat. Oleh itu, pengenalpastian karakter penting dari segi ciri, konsep dan identiti bagi mengekalkan kebitaraan bangunan dan landskapnya adalah wajar dilakukan.

2. Metodologi kajian


Kajian ini menggunakan dua jenis pengumpulan data: data primer dan data sekunder. Untuk data primer, kajian empirikal dan pengumpulan data kualitatif telah dijalankan dengan latar belakang seni bina landskap. Pemerhatian tapak telah dilakukan, termasuk persekitaran istana. Bagi karakter landskap istana, pemerhatian tapak dan lawatan bersama-sama dengan temu bual menyediakan asas untuk analisis, yang disokong oleh data sekunder mengenai penilaian laman landskap budaya Istana Melayu. Seterusnya, kajian kes dilakukan untuk mengenalpasti bagaimana landskap warisan bandar Diraja dipelihara dan dipulihara mengikut konsep halaman istana dan Istana Melayu. Permulaan kajian ini bermula dari cadangan reka bentuk landskap istana yang memerlukan pemeliharaan dan pemuliharaan Istana Seri Menanti. Pemerhatian dilakukan dengan mengenalpasti elemen landskap yang ada mengikut inventori asal dan yang baru. Selepas itu, analisis kajian dilakukan untuk menentukan sama ada landskap dalam kajian kes mengikut konsep yang ditetapkan dan menyediakan cadangan agar landskap warisan ini terpelihara.

2.1 Pemilihan kajian kes

Istana Lama Seri Menanti (ILSM), Negeri Sembilan, memiliki nilai yang tinggi dari segi sejarah, budaya, dan hubungan yang kuat antara pertumbuhan masyarakat dengan pembangunan landskap warisan. Istana ini tidak hanya merupakan simbol keagungan dan kekuasaan kerajaan Melayu lama, tetapi juga lambang kebijaksanaan dan kemahiran seni bina yang diwarisi turun-temurun. Corak fizikal landskap warisan di kawasan ini telah terbentuk selama berabad-abad, menggambarkan

simbolisme Melayu, keunikan, budaya, serta nilai-nilai yang bermula dari istana, kediaman pemimpin Melayu, hingga ke rumah tradisional masyarakat Melayu. Landskap di sekitar istana ini terdiri daripada elemen-elemen yang mencerminkan kebudayaan dan tradisi masyarakat Melayu, seperti susunan tanaman hiasan, reka bentuk taman yang berfungsi untuk upacara adat, dan penggunaan bahan-bahan asli dalam pembinaan struktur. Rajah 1 menunjukkan bahawa perubahan dan evolusi berlaku mengikut peredaran masa, keadaan alam sekitar, dan kehendak masyarakat setempat. Perubahan ini mencakupi adaptasi terhadap teknologi moden dan keperluan semasa, sambil mengekalkan elemen-elemen tradisional yang penting.

Selain itu, landskap Istana Lama Seri Menanti turut memainkan peranan penting dalam pendidikan generasi muda mengenai warisan budaya mereka. Ia menjadi lokasi utama bagi aktiviti kebudayaan, termasuk pameran seni, festival tradisional, dan program pendidikan yang bertujuan untuk menghidupkan semula dan memelihara budaya Melayu. Keunikan landskap ini terletak pada keupayaannya untuk menggabungkan elemen-elemen lama dengan keperluan moden, sekaligus mencipta persekitaran yang bukan sahaja indah tetapi juga bermakna dari segi sejarah dan budaya. Pembangunan dan pemeliharaan landskap warisan ini adalah penting bagi memastikan identiti dan tradisi masyarakat Melayu terus hidup dan dihargai. Usaha-usaha pemuliharaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat memainkan peranan besar dalam memastikan kelangsungan landskap bersejarah ini. Dengan adanya komitmen berterusan, Istana Lama Seri Menanti dapat terus menjadi mercu tanda warisan yang dibanggakan, menghubungkan generasi kini dengan sejarah gemilang nenek moyang mereka.



Rajah 1 : Perubahan, budaya dan identiti

Perubahan landskap Istana Lama Seri Menanti menggambarkan pembaharuan landskap warisan melalui interaksi yang unik antara alam dan budaya. Interaksi ini telah diancam oleh perubahan yang berterusan mengikut peredaran masa dan ‘trend’ semasa, yang boleh mengubah kepentingan landskap budaya pada halaman istana. Landskap Melayu tradisional lebih menekankan peranan dan fungsi elemen-elemen di sekelilingnya, seperti sumber makanan, herba perubatan, teduhan, serta keperluan adat dan budaya. Landskap ini melambangkan imej dan identiti taman Melayu yang mencerminkan budaya, persekitaran, dan kehidupan harian masyarakat Melayu. Secara tradisionalnya, pemuliharaan sering tertumpu kepada bangunan, manakala halaman atau persekitaran seperti yang terdapat di

halaman Istana Seri Menanti dan sekitarnya kurang diberi perhatian. Pada masa kini, landskap di sekitar Istana Seri Menanti telah berubah menjadi halaman yang lebih formal dan simetri, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Walaupun beberapa tanaman asal dikekalkan, banyak pokok asli telah digantikan dengan tanaman yang lebih estetik dan ornamental. Ancaman ini telah menyebabkan kepupusan beberapa spesies pokok asal yang terdapat pada masa dahulu. Perubahan ini tidak hanya mengubah fizikal landskap tetapi juga mereduksi nilai-nilai budaya dan simbolisme yang terkandung dalam landskap Melayu tradisional. Elemen-elemen seperti sumber makanan dari tanaman asli, herba perubatan, dan tanaman teduhan yang dahulu penting untuk kehidupan seharian dan adat resam masyarakat kini digantikan dengan elemen-elemen yang lebih mementingkan estetika semata-mata.

Oleh itu, penting untuk kita memahami dan menghargai peranan landskap tradisional dalam mencerminkan identiti dan warisan budaya Melayu. Usaha pemuliharaan perlu diperluas bukan sahaja kepada bangunan tetapi juga kepada landskap dan persekitaran yang mengelilinginya. Dengan pendekatan ini, kita dapat memastikan bahawa warisan budaya yang kaya ini dapat diwariskan kepada generasi akan datang, sambil mengekalkan elemen-elemen asli yang memberi makna kepada kehidupan dan identiti masyarakat Melayu. Hal ini memerlukan kerjasama dan komitmen daripada pihak berkuasa tempatan, pakar warisan, dan komuniti setempat untuk melaksanakan langkah-langkah pemuliharaan yang berkesan dan berterusan.


3. Perbincangan

Landskap warisan Melayu sangat berkait rapat dengan alam persekitaran yang merupakan satu pakej yang tidak dapat dipisahkan daripada rumah warisan. Menurut Abdul Halim Nasir (1985), ciri-ciri dan perwatakan atau karektor tempat tinggal dapat diperhatikan melalui pemilihan bahan-bahan yang terdapat di persekitarannya dan pembinaan tempat tinggal yang tidak jauh dari sumber bahan tersebut. Perumpamaan ini menunjukkan bahawa bahan binaan yang digunakan untuk bangunan warisan biasanya boleh didapati dari alam persekitarannya. Alam persekitaran merangkumi hubungan manusia dengan alam semula jadi, landskap, bentuk muka bumi, flora dan fauna, serta bahan-bahan semula jadi seperti kayu. Hubungan ini telah mempengaruhi kebitaraan dan keunikan istana Melayu. Contohnya, bahan binaan seperti kayu dari hutan sekitar sering digunakan dalam pembinaan istana dan rumah tradisional Melayu, mencerminkan kebergantungan dan keharmonian dengan alam sekitar. Istana Melayu bukan sahaja dibina dengan bahan-bahan tempatan tetapi juga direka untuk selaras dengan iklim dan alam sekitar setempat. Penggunaan bahan seperti kayu, buluh, dan atap nipah tidak hanya praktikal tetapi juga mempunyai nilai estetik yang tinggi. Selain itu, elemen-elemen seperti taman herba, kolam, dan laman terbuka dalam reka bentuk landskap istana menambah nilai kepada fungsi dan estetika ruang, sambil menyediakan sumber makanan dan perubatan untuk penghuni istana. Kesemua ini menunjukkan bahawa alam persekitaran bukan sahaja menyediakan bahan binaan tetapi juga memberi inspirasi kepada reka bentuk dan fungsi ruang dalam landskap warisan Melayu. Pemeliharaan dan pemuliharaan landskap warisan ini adalah penting untuk memastikan kesinambungan hubungan harmoni antara manusia dan alam semula jadi yang telah diwarisi turun-temurun. Dengan menjaga dan menghidupkan kembali elemen-elemen asli dalam landskap ini, kita dapat memastikan bahawa warisan budaya dan identiti masyarakat Melayu terus dihargai dan dipelihara untuk generasi akan datang.

Reka bentuk landskap Melayu mengalami proses evolusi dan perubahan yang berterusan sejalan dengan persekitaran semula jadi dan pengaruh kehidupan harian (Salleh et al., 2016). Namun, perhatian terhadap pemeliharaan warisan di Malaysia cenderung lebih tertumpu kepada bangunan seni bina berbanding dengan alam persekitaran sekelilingnya (Azizi et al., 2015). Fenomena ini telah menyebabkan kehilangan landskap budaya yang kaya dengan mempertimbangkan pengaruh sejarah

dan rutin harian penduduk tempatan yang tercermin melalui landskap (Harun et al., 2017). Landskap Melayu tradisional, termasuk landskap Istana Melayu, bukan sekadar menghiasi alam sekeliling, tetapi juga membawa maklumat bersejarah dan mencerminkan kehidupan seharian serta prinsip agama Islam masyarakat Melayu. Ini dapat dilihat melalui ciri-ciri unik seperti orientasi pintu masuk yang menghadap matahari, organisasi ruang yang selaras dengan aktiviti harian, dan kebitaraan yang kaya dalam rumah dan istana Melayu (Hussain et al., 2020; Harun, 2008). Karektor landskap Melayu merupakan bukti konkrit aktiviti yang membentuk landskap, yang berkaitan erat dengan kepercayaan, sikap, tradisi, dan nilai masyarakat Melayu. Oleh itu, pengelasan landskap ini menjadi penting untuk memelihara karakter asalnya (Sari et al., 2020). Bagaimana landskap di sekitar istana Melayu berkembang mungkin berhubungan dengan nilai budaya penduduk tempatan dan persekitarannya, yang secara bersama-sama membentuk identiti unik dan berharga bagi masyarakat Melayu.

Istana Melayu merupakan lambang keagungan dan kekayaan warisan, tradisi, dan kepakaran orang Melayu dalam seni bina. Bangunan istana ini memperlihatkan imej rumah Melayu tradisional yang berskala besar, dengan setiap seni binanya yang berbeza, menampilkan identiti unik seni bina vernakular (Nurdiyana, 2017). Menurut Haja Bava Mohidin (2012), unsur-unsur seni bina tradisional Melayu dalam istana diraja melibatkan reka bentuk, persekitaran, privasi, keselamatan, serta pengasingan antara lelaki dan perempuan. Keberadaan unsur-unsur ini turut memberi kesan yang signifikan terhadap persekitaran, khususnya dalam pembentukan landskap halaman bagi rumah Melayu tradisional dan istana Melayu. Reka bentuk istana Melayu bukan sahaja melambangkan keindahan seni bina Melayu, tetapi juga mewakili nilai-nilai budaya dan tradisi yang dipegang teguh oleh masyarakat Melayu. Setiap unsur seni bina dalam istana, dari corak hiasan hingga ke arsitekturnya, memberikan penekanan kepada keunikan dan keanggunan warisan seni Melayu. Melalui pemahaman terhadap aspek-aspek ini, landskap di sekitar istana Melayu dibentuk dengan teliti untuk mencerminkan nilai-nilai tersebut, memberikan satu lagi lapisan keindahan dan kebermaknaan kepada bangunan monumental tersebut.



Rajah 2: Rekabentuk landskap dan aktiviti

Istana Seri Menanti seperti dalam Rajah 2, mempunyai halaman landskap yang biasanya terdiri daripada tanaman hiasan yang berbunga, berbau dan bersaiz kecil. Halaman istana terdiri dari tiga halaman yang hampir sama dengan halaman istana tradisional Melayu yang dinamakan halaman





Sehingga hari ini, aktiviti pertanian adalah aktiviti utama di Malaysia, landskap kampung pemandangan sawah padi, tanaman kelapa, serta tanaman getah masih kelihatan setiap pelusuk negeri (Nor Atiah, Faziawati & Norhuzailin 2010; Saiful Arif 2011, Rahman, A. A., & Ismail, 2015).



Zaharah (2004) memetik kata-kata Asmah (2002) yang menghuraikan bahawa aktiviti pertanian terutamanya penanaman padi adalah asas landskap tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia (Rahman, A. A., & Ismail, 2015).

depan, halaman sisi dan halaman belakang. Halaman hadapan kebiasaannya akan mempunyai tumbuh-tumbuhan renek yang berbunga, berwarna, dan berbau wangi. Fungsi tanaman ini dijadikan sebagai pokok hiasan dan seterusnya mewujudkan suasana ‘sense of welcoming’. Pokok-pokok yang biasa ditanam di ruangan ini adalah seperti pokok bunga tanjung, pokok bunga Melor, siantan atau jejarum, kenanga, kerak nasi, cempaka, melati, kemuning dan seri pagi. Pokok-pokok yang lebih besar teduhannya akan ditempatkan di kawasan pinggir halaman bagi membentuk batasan atau pagar. Pokok-pokok ditanam di pinggir kawasan supaya redupan, angin dan dapat mewujudkan kawasan yang luas. Halaman kiri dan kanan merupakan halaman semi privasi dan biasanya ditanam dengan tanaman rimbun yang berbuah dan juga kesinambungan tanaman dari ruangan hadapan dan belakang. Selain dari tanaman buah- buahan, terdapat juga tanaman yang ditanam untuk tujuan perubatan. Ruang sisi ini sebagai tempat beristirahat, berteduh dan menjalankan aktiviti di pangkin dan jelapang atau kepek padi.

Halaman belakang pula adalah kawasan yang berhampiran dengan dapur. Ruang ini biasanya ditanam dengan tanaman-tanaman yang digunakan untuk memasak seperti serai, pandan, kunyit, kesum, kari, selasih dan keladi, serta tanaman dusun seperti pokok buah- buahan. Halaman belakang rumah merupakan kawasan privasi dan kegiatan peribadi. Secara umum, terdapat enam (6) jenis spesis pokok yang menjadi pilihan utama di Bandar Diraja dan boleh dianggap sebagai sebahagian landskap tempatan seperti dalam Rajah 1. Pokok-pokok terpilih mempunyai ciri-ciri berwarna sama ada warna kuning ataupun putih serta berbau wangi. (Kajian Pemetaan Warisan Terhadap Bandar-Bandar Diraja Di Malaysia, UTM).


Jadual 1: Pokok-Pokok Pilihan Utama di Bandar-Bandar Diraja

Ciri-ciri	Nama Pokok	Imej
Bunga Kuning, Wangi	Tembusu (<i>Fagrea elliptica roxb</i>)	
Bunga Kuning, Wangi	Angsana (<i>Pterocarpus indicus leguminosae</i>)	
Bunga Kuning	Beringin (<i>Ficus Benjamina</i>)	
Bunga Putih, Wangi	Bunga Tanjung (<i>Mimusops elengi</i>)	

Daun Halus, buah perang	Rhu (<i>Casuarina equisetifolia</i>)	
Bunga Kuning	Hujan-hujan (<i>Samanea Saman</i>)	

3.1 Kajian Dan Cadangan Rekabentuk Landskap

Istana Seri Menanti menonjol dengan kehadiran empat halaman yang berbeza, menyusuri penjuru istana: halaman hadapan, sisi kiri, sisi kanan, dan halaman belakang, seperti yang jelas dilihat dalam Rajah 3. Namun, dalam transformasi masa kini, fokus pengubahsuaian tertumpu kepada halaman hadapan istana, yang kini telah didekorasi dengan corak formal yang menonjolkan tanaman pokok konifer. Pemilihan tanaman jenis ini mungkin merujuk kepada tren kebun kontemporari di negara-negara barat, menyimbolkan pengaruh global dalam landskap tempatan. Walau bagaimanapun, perubahan ini turut menimbulkan satu cabaran, dengan penempatan yang tidak selaras atau kurang sesuai tanaman konifer ini menghalang pandangan terhadap fasad hadapan yang indah dan megah dari Istana Seri Menanti. Sementara itu, satu lagi perubahan ketara adalah hilangnya pohon sena yang sebelum ini menghiasi kawasan sekeliling istana, membentuk pagar semulajadi dan menambahkan keunikan landskap. Pohon sena ini ditebang mungkin menandakan perubahan dalam landskap semula jadi, mungkin disebabkan oleh pertimbangan praktikal atau estetika semasa.



Rajah 3 : Evolusi Landskap Istana Lama Seri Menanti (ILSM)

Tidak terkecuali halaman sisi istana yang dahulunya memperlihatkan kepelbagaian pokok-pokok yang menyumbang kepada kegunaan dan keperluan perubatan. Meneruskan perbincangan, penulis juga mengemukakan bahawa konsep halaman istana ini hampir serupa dengan yang terdapat di istana-

istana Melayu di Negeri Sembilan. Namun, terdapat transformasi yang ketara disebabkan oleh pengaruh landskap moden yang telah mengubah identiti landskap istana Melayu di Istana Seri Menanti. Perubahan landskap ini, khususnya di sekeliling istana Seri Menanti, tidak hanya sekadar mencerminkan transformasi fizikal tetapi juga menggambarkan suatu proses pembaharuan landskap warisan yang melibatkan interaksi antara alam dan budaya. Implikasi daripada perubahan ini terasa dalam atmosfera tempatan dan makna landskap istana lama Seri Menanti. Hal ini menimbulkan soalan tentang bagaimana kita mengekalkan dan menghargai warisan sambil mengakui keperluan untuk berubah dan berkembang mengikut konteks semasa.

a) Halaman Hadapan

Halaman hadapan Istana menampilkan pokok-pokok yang besar dan tinggi yang tersusun secara rawak di sekelilingnya. Walaupun pokok-pokok ini mempunyai ketinggian yang mencolok, mereka berfungsi sebagai peneduh dan tempat rehat bagi pengunjung yang tiba. Ini mencerminkan semangat tanggungjawab dan perhatian kepada kesejahteraan rakyat yang terus dijaga oleh raja, meskipun telah dilantik sebagai pemimpin. Selain itu, pokok bunga tanjung, bunga kenanga, dan tembusu telah dicadangkan untuk menyediakan naungan di sekitar kawasan istana. Penggunaan pokok-pokok renek seperti pokok puding dan cemperai turut menimbulkan rasa nostalgik kepada taman-taman halaman istana Melayu tradisional. Cadangan landskap ini bertujuan untuk mencipta suasana yang menarik, selesa, dan menambah seri serta kecantikan landskap, selain dari memberikan fungsi praktikal tanaman yang ditanam. Apabila memasuki laman istana, pengunjung akan disambut dengan elemen air yang disusun di kedua belah sisi laluan utama. Tujuan penggunaan elemen air ini adalah untuk menghidupkan semula atmosfera yang tenang dan menenangkan di halaman hadapan, sebagaimana yang disyorkan dalam rujukan Hikayat Hang Tuah, yang menyatakan bahawa elemen air adalah aspek yang penting dalam reka bentuk landskap istana.

b) Halaman Sisi

Ruang sisi halaman, seperti yang digambarkan dalam Rajah 4, dihiasi dengan tanaman teduhan yang rimbun, termasuk tanaman yang berbuah serta melanjutkan tema tanaman dari halaman hadapan dan belakang. Di samping tanaman buah-buahan, terdapat juga tanaman yang ditanam dengan tujuan perubatan, memberikan dimensi kegunaan yang berbeza kepada landskap. Ruang sisi ini dirancang dengan penempatan pangkin-pangkin, mencipta ruang untuk beristirahat, berteduh, dan menjalankan pelbagai aktiviti. Pendekatan ini menggabungkan keindahan alam semula jadi dengan fungsi praktikal, mencipta persekitaran yang seimbang dan serbaguna untuk penghuni istana dan pengunjungnya.



Rajah 4 : Halaman Sisi ILSM

Cadangan pokok-pokok untuk halaman sisi termasuklah pokok Bunga Tanjung (*Mimusops elengi*), yang merupakan pokok teduhan yang rimbun dengan ciri-ciri yang menarik. Pokok ini mempunyai bunga berbau wangi dan tradisional yang memberi kesan yang menyegarkan kepada landskap, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Selain memberi kecantikan visual, batang dan daun pokok Bunga Tanjung juga mempunyai khasiat perubatan yang telah diiktiraf sejak zaman dahulu. Di samping itu, bunga Kenanga juga dicadangkan sebagai komponen utama dalam reka bentuk landskap halaman sisi. Bunga Kenanga merupakan bunga tradisional yang amat digemari di Malaysia pada zaman dahulu kerana harumannya yang semerbak. Bunga ini sering dipetik dan disimpan dalam lipatan kain untuk mengharumkan baju atau rumah. Selain aspek estetikanya, bunga Kenanga juga mempunyai nilai perubatan yang tinggi dalam tradisi tempatan. Ia sering digunakan dalam rawatan tradisional untuk meredakan pelbagai penyakit dan masalah kesihatan, menambah lagi nilai kegunaan dan keistimewaan landskap istana.



Rajah 5 : Jenis Pokok Landskap Melayu

c) Halaman Belakang

Halaman belakang merupakan kawasan yang berhampiran dengan dapur, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 6. Ruang ini dirancang dengan penanaman tanaman yang digunakan dalam proses memasak, seperti kunyit, serai, kari, pandan, kesum, selasih, dan keladi, selain daripada tanaman-tanaman buah-buahan dari dusun. Kehadiran tanaman-tanaman ini tidak hanya menambah keindahan landskap, tetapi juga memberikan kemudahan kepada penghuni istana dalam memperoleh bahan mentah segar untuk kegunaan harian, sekaligus mengekalkan tradisi penggunaan bahan-bahan semula jadi dalam penyediaan hidangan.



Rajah 6 : Halaman Belakang ILSM

Terdapat beberapa jenis tanaman yang popular dalam landskap Melayu yang secara khusus berkaitan dengan landskap Istana Melayu. Tanaman-tanaman ini juga sesuai untuk ditanam di kawasan halaman belakang, antaranya adalah buah Limpato, yang juga dikenali sebagai buah kesusu. Buah ini termasuk dalam kategori buah-buahan nadir dengan nama saintifiknya *Prainea limpato*, seperti yang terlihat dalam Rajah 7. Keunikan buah Limpato tidak hanya dalam rasa tetapi juga dalam penampilannya yang jarang ditemui, menjadikannya pilihan yang menarik untuk ditanam dalam landskap istana. Selain buah Limpato, daun salam (*Syzygium polyanthum*) juga merupakan tanaman yang penting dalam landskap Melayu. Daun ini sering digunakan dalam pelbagai masakan sebagai bahan penambah rasa kesedapan, terutama dalam hidangan seperti gulai nangka, masak asam pedas, masak lemak, dan lain-lain. Kehadiran tanaman ini tidak hanya memberikan kepelbagaian dan keaslian kepada landskap, tetapi juga menambah nilai estetik dan fungsional kepada dapur istana, memperkaya pengalaman kuliner dan kesejahteraan penghuninya.



Rajah 7 : Jenis Tanaman Landskap Melayu

Selain tanaman dan elemen tumbuhan, terdapat juga elemen binaan yang penting untuk menghiasi landskap Istana Melayu, dan salah satunya adalah gerbang. Gerbang merupakan elemen yang sangat penting, terutama apabila berada di bahagian hadapan istana. Gerbang utama, yang sering disebut sebagai Gerbang Diraja, seperti yang terlihat dalam Rajah 8, memainkan peranan penting dalam memuliakan dan menghormati kedudukan Raja serta menghadirkan suasana istimewa kepada

pengunjung yang tiba. Gerbang ini tidak hanya merupakan lambang kebesaran dan keagungan, tetapi juga merupakan titik fokus yang menarik perhatian, menandakan kawasan yang dianggap suci dan istimewa. Dengan kehadiran gerbang yang megah dan kukuh, ia memberikan satu kesan yang berkesan dalam mengukuhkan identiti dan keistimewaan landskap Istana Melayu.

a) Gerbang Diraja

Gerbang Diraja merupakan pintu gerbang utama yang memainkan peranan penting dalam landskap Istana Melayu. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai pintu masuk formal, tetapi juga menjadi tempat diadakan majlis-majlis rasmi. Memasuki gerbang ini membawa pengalaman yang mengagumkan, kerana ia menawarkan pemandangan yang menakjubkan terhadap fasad hadapan yang mempesona dari Istana Seri Menanti. Biasanya, pintu gerbang utama ini hanya akan dibuka semasa majlis rasmi atau istimewa, menambahkan lagi aura kemuliaan dan keistimewaan acara tersebut.

Pada hari-hari biasa, laluan untuk orang ramai akan dibuka melalui pintu kecil yang terletak di sebelah kiri dan kanan gerbang utama. Pintu kecil ini sering dilengkapi dengan kaunter tiket, yang berperanan untuk memudahkan pengurusan kemasukan pengunjung. Pengaturan ini mencerminkan kebijaksanaan dalam mengendalikan aliran lalu lintas dan memberikan keselesaan kepada orang ramai yang ingin mengunjungi istana, sambil mengekalkan kemegahan dan kekhususan gerbang utama untuk acara-acara formal yang berprestij.



Rajah 8 : Pintu gerbang Diraja

Di kawasan luar gerbang utama, cadangan yang baik adalah untuk menyiapkan kawasan tersebut dengan jubin yang tidak licin dan mesra pengguna berkeperluan khas (OKU). Kawasan ini juga boleh dirancang untuk menjadi tempat berkumpul sebelum memasuki istana. Kebolehan untuk mengubah fungsi kawasan ini adalah sesuatu yang penting, terutamanya semasa majlis formal di mana ia boleh dijadikan tempat parkir Diraja.

Pada hari-hari biasa, apabila kawasan ini tidak digunakan sebagai tempat parkir Diraja, ia masih boleh memberikan faedah kepada pengunjung dengan menyediakan perkhidmatan kereta "buggy" untuk memudahkan pergerakan dari kawasan parkir ke pintu masuk. Perkhidmatan ini akan membolehkan pengunjung dijangka di kawasan tersebut dan disambungkan dengan pintu masuk utama dengan lebih lancar. Ini tidak hanya akan meningkatkan keselesaan pengunjung, tetapi juga memperlihatkan kepekaan terhadap keperluan mobiliti yang berbeza dari pelbagai lapisan masyarakat. Dengan

memikirkan penggunaan yang berbeza pada pelbagai masa, kawasan ini dapat diperkaya dan dimanfaatkan sepenuhnya tanpa mengurangkan kepentingan atau kemegahan landskap Istana Melayu.

b) Elemen air

Elemen air memainkan peranan penting dalam landskap Istana Melayu, dan satu cadangan yang menarik adalah memasukkan kolam air di tengah-tengah halaman hadapan. Kolam air ini akan berfungsi sebagai titik fokus yang menawan dan memberikan keindahan serta kesejukan kepada landskap, mengembalikan elemen air sebagaimana yang disyorkan dalam rujukan Hikayat Hang Tuah. Kolam air bukan sahaja akan menambahkan unsur estetik, tetapi juga memberikan suasana yang tenang dan menyegarkan kepada pengunjung yang tiba. Selain keindahannya, kolam air juga mempunyai nilai simbolik yang penting dalam budaya Melayu. Ia sering dianggap sebagai sumber kehidupan dan kesejahteraan, serta melambangkan kestabilan dan kemakmuran. Dengan memasukkan elemen air ini dalam landskap istana, ia juga merangkumi keindahan alam semula jadi dan nilai-nilai tradisional yang berakar dalam masyarakat Melayu.

Dengan kesinambungan pertemuan semua laluan yang membentuk laluan empat segi di sekeliling kolam air seperti dalam Rajah 9, ia akan menambah lagi keindahan dan keunikan halaman hadapan istana. Pengaturan ini mencipta ruang untuk refleksi dan kesejukan, sambil memperteguh hubungan yang harmoni antara alam dan manusia dalam landskap istana yang semarak dengan warisan budaya dan nilai-nilai tradisional.



Rajah 9 : Laluan yang membentuk laluan empat segi

4. Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa orang Melayu pada zaman lampau memiliki kemahiran seni bina yang tinggi dan juga memahami setiap tanaman dan unsur yang mereka gunakan dalam landskap. Masyarakat Melayu mempunyai ciri unik dan bitara di mana mereka tidak terlalu mengutamakan gaya atau trend moden, tetapi lebih menumpukan kepada fungsi landskap yang berkait rapat dengan kehidupan harian. Landskap mereka bukan sekadar hiasan atau aspek estetik semata-mata, tetapi merupakan ruang yang digunakan untuk pelbagai tujuan praktikal. Tanaman dan elemen tradisional

yang digunakan dalam landskap Melayu mempunyai hubungan yang mendalam dengan sejarah kehidupan dan membawa makna yang penting yang boleh diwarisi kepada generasi akan datang.

Oleh itu, penyelidikan ini memberi sumbangan yang bernilai dalam usaha memulihkan landskap Melayu di istana lama, dengan menonjolkan kembali ciri-ciri landskap Melayu yang semakin hilang seiring dengan perubahan zaman, sambil menghidupkan kembali nostalgia serta simbolik terhadap istana dan warisan lama. Selain daripada itu, penyelidikan ini juga diharapkan dapat meningkatkan jumlah pelancong, serta menjadi aset yang penting dalam memperjelaskan keindahan identiti masyarakat Melayu kepada generasi akan datang. Dengan memahami dan menghargai warisan dan keunikan landskap Melayu, kita dapat mengekalkan warisan budaya yang kaya dan memastikan bahawa ciri-ciri landskap tradisional ini terus hidup dan dihargai dalam masyarakat Melayu moden.

5. Rujukan

- Abdullah Sani Ahmad, Jamil Abu Bakar, Fawazul Khair Ibrahim(2006); *Investigation On The Elements Of Malay Landscape Design* (Kajian Elemen Rekabentuk Landskap Melayu) UTM
- Ahmad Zamil Zakaria, Ismail Hafiz Salleh, Mohd Sabrizaa Abd. Rashid (2013); *Landscape Furniture Present in The Ancient Malay Garden According to Old Manuscripts and Their Effects on The Formation of Malay Garden Design Concept Model in Malaysia*. PSU-USM International Conference on Humanities and Social Sciences
- Bahasa, J., & Bahasa, F. (1990). *Landskap sebagai Mekanisme Pertahanan Diri Berdasarkan Karya Sastera Melayu Tradisional*.
- Harun, N. Z., Fairuz, D. N., & Nordin, N. A. (2015). The roles of urban heritage in determining the image of the royal town of Sri Menanti, Negeri Sembilan. *Planning Malaysia, 13*, 85–100. <https://doi.org/10.21837/pmjournal.v13.i5.141>
- Harun, N. Z., Ariffin, N. A. M., & Abdullah, F. (2017). *Changes and threats in the preservation of the traditional Malay landscape*. *Planning Malaysia, 15*.<https://doi.org/10.21837/pm.v15i4.318>
- Hussain, M. A., Mohd Yunos, M. Y., Ismail, N. A., Ariffin, N. F. M., & Ismail, S. (2020). *A review of the elements of nature and the Malay cultural landscape through Malay literature*. *Sustainability, 12*(6), 2154.<https://doi.org/10.3390/su12062154>
- Haja Bava Mohidin, H., Mohd Razif, F., & Kadikon, S. (2012). *Pengaruh Islam dalam politik dan senibina pentadbiran pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka*. *Jurnal Teknologi, 58*, 85-88.
- Haza Hanurhaza Md Jani, Mohd Ramzi Mohd Hussain (2012); *Cultural Landscape: Reclaiming The Heritage Of Minangkabau Negeri Sembilan*. 1st International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment 2012 (ICITSBE 2012) 16-17April2012, Perak, MALAYSIA
- Kajian Pemetaan Warisan Terhadap Bandar-Bandar Diraja Di Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia
- Kamarul Bahrain Shuib, Ian Clark and Habsah Hashim (2010); *Exploring Heritage Value Of A Malay Landscape*. *Built Environmental Journal Vol. 7, No. 1, 23-34*,
- Nor Zalina Harun, Dg. Norhidayah Fairuz & Nor Adilla Nordin (2015); *The Roles Of Urban Heritage In Determining The Image Of The Royal Town Of Sri Menanti, Negeri Sembilan*. *Journal of the Malaysian Institute of Planners Volume XIII, Page 85 – 100*
- Nurdiyana Zainal Abidin, Raja Nafida Raja Shahminan & Fawazul Khair Ibrahim (2017); *Architectural Influences Of Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan*. *Journal of the Malaysian Institute of Planners Volume 15 Issue 1, Page 151 – 162*

- Rahman, A. A., & Ismail, S. M. (2015). Menilai Estetika Landskap Kampung Tradisional Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8: Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekitaran, November*, 282–290.
- Sari, K. P., Munandar, A., & Arifin, N. H. S. (2020). *Study of cultural landscape character in Gampong Lubuk Sukon, Aceh. In IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 501, No. 1, p. 012042). IOP Publishing. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/501/1/012042>.
- Shukri, S. M., Wahab, M. H., & Amat, R. C. (2020). Revealing Malay Royal Town Identity: Seri Menanti, Negeri Sembilan. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 409(1). <https://doi.org/10.1088/1755-1315/409/1/012034>